



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

**Program Ganjaran Insentif Model Celik Kewangan BSN (“Program”)** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula 1 November 2024 hingga 30 November 2025 (“Tempoh Program”) yang mana menawarkan insentif wang tunai berdasarkan kertas cadangan dan pelaksanaan aktiviti Kelab / Persatuan yang terbaik dengan menggunakan Modul Celik Kewangan BSN sebagai panduan. Program ini adalah kesinambungan pelaksanaan Modul Celik Kewangan BSN di Peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

*The BSN Financial Literacy Model Incentive Reward Program (“Program”) is organised by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 1<sup>st</sup> November 2024 until 30<sup>th</sup> November 2025 (“Program Period”) which offers cash incentives based on the best proposal paper and implementation of Club / Association activity using the BSN Financial Literacy Module as a guide. This Program is a continuation of the BSN Financial Literacy Module at the Primary and Secondary School Levels.*

## **1. KELAYAKAN / ELIGIBILITY**

Setiap penyertaan daripada Kelab / Persatuan di sekolah perlulah memenuhi syarat-syarat di bawah bagi melayakkan diri untuk menyertai Program ini (“Peserta”):

- a) Kelab / Persatuan hendaklah ditubuhkan di sekolah rendah atau sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- b) Penubuhan Kelab / Persatuan hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPM dan pihak sekolah yang berkenaan;
- c) Sekolah bagi Kelab / Persatuan hendaklah mendaftar dengan BSN sebagai BSN *School Ambassador* (BSA);
- d) Sekolah Tanpa Tunai BSN akan diutamakan dalam pemilihan Peserta;
- e) Sekolah bagi Kelab / Persatuan perlu membuka akaun korporat BSN;
- f) Kelab / Persatuan wajib menggunakan Modul Celik Kewangan BSN-KPM sebagai panduan bagi tujuan penyediaan kertas cadangan serta pelaksanaan aktiviti tahunannya di bawah Program ini.

*Every entry from the Club/Association at the school shall fulfil the following criteria to be eligible to participate in this Program (“Participant”):*

- a) *The Club / Association shall be established in a primary or secondary school under the Ministry of Education Malaysia (MOE);*
- b) *The establishment of the Club / Association shall be according to the guidelines set by KPM and the respective school;*
- c) *The school of the Club/Association shall be registered as BSN School Ambassadors (BSA);*
- d) *BSN Cashless Schools will be prioritized in the selection of the Participant;*
- e) *The school of the Club / Association shall open a BSN corporate account;*
- f) *It is mandatory for the Club / Association to use the BSN-KPM Financial Literacy Module as a guide to prepare the proposal paper and to implement its annual activities under this Program.*



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

**2. PERINGKAT DAN BUTIRAN PROGRAM / PROGRAM STAGES AND DETAILS**

**2.1 Peringkat 1: Pemilihan 20 kertas cadangan terbaik**

*Stage 1: The selection of 20 best proposal paper*

<b>Tempoh Penyertaan</b> <i>Participation Period</i>	1 November 2024 – 31 Disember 2024 <i>1<sup>st</sup> November 2024 – 31<sup>st</sup> December 2024</i>
<b>Syarat Penyertaan</b> <i>Participation Requirements</i>	<p>a) Kelab / Persatuan perlu menyediakan kertas cadangan yang mengandungi aktiviti kelab / persatuan sekolah untuk dinilai mengikut format dan isi kandungan yang disediakan oleh BSN.</p> <p><i>The Participant draft a proposal paper containing the activities club / association to be evaluated according to the BSN's format and content.</i></p> <p>b) Peserta wajib menggunakan Modul Celik Kewangan BSN – KPM dalam menyediakan kertas cadangan bagi aktiviti di bawah Program ini. Modul tersebut boleh didapati di platform DELIMa atau di laman sesawang BSN di <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>. ("Laman Web BSN").</p> <p><i>The Participant shall use the BSN - KPM Financial Literacy Module in preparing the proposal paper for its activities under this Program. The module is available on the DELIMa platform or on the BSN website at <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> ("BSN's Website").</i></p> <p>c) Penyertaan mestilah dihantar oleh guru / murid sekolah sahaja melalui Platform DELIMa.</p> <p><i>Entries shall be submitted by school teachers / students only through the DELIMa Platform.</i></p> <p>d) Tiada had bagi jumlah Peserta dan penghantaran kertas cadangan daripada setiap sekolah. Namun, BSN berhak untuk memilih satu (1) sahaja kertas cadangan daripada setiap sekolah.</p> <p><i>There is no limit on the number of Participant and submission of proposal paper from each school. However, BSN reserves the right to select only one (1) proposal paper from each school.</i></p>
<b>FORMAT KERTAS CADANGAN /</b> <i>Proposal paper Format</i>	<p>a) Font yang digunakan adalah Arial bersaiz 11 dengan jarak baris 1.5</p> <p><i>The font used is Arial size 11 with a line spacing of 1.5</i></p> <p>b) Kandungan kertas cadangan adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Pengenalan</li><li>ii) Rasional</li><li>iii) Matlamat</li></ul>

**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iv) Objektif Penubuhan Kelab</li> <li>v) Cadangan Nama Kelab</li> <li>vi) Moto</li> <li>vii) Misi</li> <li>viii) Visi</li> <li>ix) Sasaran Kumpulan (Ahli Kelab)</li> <li>x) Logo &amp; Maksud Logo</li> <li>xi) Lagu Kelab</li> <li>xii) Ahli Jawatankuasa Kelab</li> <li>xiii) Nama Guru Pembimbing</li> <li>xiv) Cadangan Aktiviti Tahunan menggunakan Modul Celik Kewangan BSN-KPM sebagai panduan</li> <li>xv) Anggaran perbelanjaan Kelab</li> <li>xvi) Sumber Kewangan</li> <li>xvii) Yuran</li> <li>xviii) Atau apa-apa dokumen sokongan penubuhan kelab yang berkaitan</li> <li>xix) Sumber rujukan</li> </ul> <p><i>The content of the proposal paper is as follows:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i) Introduction</i></li> <li><i>ii) Rational</i></li> <li><i>iii) Goals</i></li> <li><i>iv) Club Establishment Objectives</i></li> <li><i>v) Suggested Club Name</i></li> <li><i>vi) Motto</i></li> <li><i>vii) Mission</i></li> <li><i>viii) Vision</i></li> <li><i>ix) Target Group (Club Members)</i></li> <li><i>x) Logo &amp; Logo Meaning</i></li> <li><i>xi) Club Song</i></li> <li><i>xii) Club Committee Member</i></li> <li><i>xiii) Name of the Guidance Teacher</i></li> <li><i>xiv) Annual Activity Proposal using the BSN-KPM Financial Literacy Module as a guide</i></li> <li><i>xv) Estimated Club expenses</i></li> <li><i>xvi) Financial Resources</i></li> <li><i>xvii) Fees</i></li> <li><i>xviii) Or any related club establishment support document</i></li> <li><i>xix) Reference sources</i></li> </ul>
--	--

<p><b>KRITERIA PEMARKAHAN KERTAS CADANGAN /</b> <i>Proposal paper Scoring Criteria</i></p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Bil No</b></th> <th><b>Aspek Aspect</b></th> <th><b>Markah (%) Score (%)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Tajuk Kertas Cadangan <i>Proposal paper title</i></td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Abstrak <i>Abstract</i></td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Pengenalan <i>Introduction</i></td> <td>15%</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Latar Belakang / Rasional <i>Background / Rationale</i></td> <td>15%</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Idea / Konsep <i>Idea / Concept</i></td> <td>20%</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Cadangan Aktiviti sepanjang tahun <i>Proposed Activities throughout the year</i></td> <td>20%</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>Sumber Rujukan <i>Reference Sources</i></td> <td>10%</td> </tr> <tr> <td></td> <td><b>Jumlah Markah</b> <b>Total Marks</b></td> <td><b>100%</b></td> </tr> </tbody> </table>	<b>Bil No</b>	<b>Aspek Aspect</b>	<b>Markah (%) Score (%)</b>	1.	Tajuk Kertas Cadangan <i>Proposal paper title</i>	10%	2.	Abstrak <i>Abstract</i>	10%	3.	Pengenalan <i>Introduction</i>	15%	4.	Latar Belakang / Rasional <i>Background / Rationale</i>	15%	5.	Idea / Konsep <i>Idea / Concept</i>	20%	6.	Cadangan Aktiviti sepanjang tahun <i>Proposed Activities throughout the year</i>	20%	7.	Sumber Rujukan <i>Reference Sources</i>	10%		<b>Jumlah Markah</b> <b>Total Marks</b>	<b>100%</b>
<b>Bil No</b>	<b>Aspek Aspect</b>	<b>Markah (%) Score (%)</b>																										
1.	Tajuk Kertas Cadangan <i>Proposal paper title</i>	10%																										
2.	Abstrak <i>Abstract</i>	10%																										
3.	Pengenalan <i>Introduction</i>	15%																										
4.	Latar Belakang / Rasional <i>Background / Rationale</i>	15%																										
5.	Idea / Konsep <i>Idea / Concept</i>	20%																										
6.	Cadangan Aktiviti sepanjang tahun <i>Proposed Activities throughout the year</i>	20%																										
7.	Sumber Rujukan <i>Reference Sources</i>	10%																										
	<b>Jumlah Markah</b> <b>Total Marks</b>	<b>100%</b>																										
<p><b>CARA PEMILIHAN 20 KERTAS CADANGAN TERBAIK /</b> <i>Method of Selection of 20 best proposal papers</i></p>	<p>a) Pemilihan dua puluh (20) kertas cadangan terbaik sebagai pemenang Peringkat 1 (“Pemenang Peringkat 1”) akan dinilai oleh juri-juri daripada BSN dan KPM. <i>The selection of the twenty (20) best proposal papers as the winners of Stage 1 (“Winners of Stage 1”) will be evaluated by judges from BSN and MOE.</i></p> <p>b) Dua puluh (20) kertas cadangan terbaik tersebut hendaklah terdiri daripada sepuluh (10) kertas cadangan Peserta daripada Sekolah Rendah dan sepuluh (10) Peserta daripada Sekolah Menengah. <i>The twenty (20) best proposal papers shall consist of ten (10) proposal papers of Participants from the primary school and ten (10) proposal papers of Participants from the secondary school.</i></p> <p>c) Dua puluh (20) Pemenang Peringkat 1 akan menerima insentif bernilai RM1,000 bagi pelaksanaan aktivitinya. <i>The twenty (20) Winners of Stage 1 will receive an incentive of RM1,000 for the execution of its activities.</i></p> <p>d) Pemenang Peringkat 1 bersetuju bahawa BSN mempunyai hak untuk memilih Peserta lain bagi menggantikan mana-mana Pemenang Peringkat 1 atas sebab tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang tempoh program. <i>The Winners of Stage 1 hereby agrees that BSN reserves the right to select any other Participant to substitute any Winners of Stage 1 due to ineligibility or disqualified for any other reason whatsoever throughout the Program Period.</i></p>																											

INSENTIF / <i>Incentive</i>	Bil No	Category <i>Category</i>	Bilangan Sekolah <i>No. of Schools</i>	Wang Ganjaran (RM) setiap sekolah <i>Incentive Reward (RM) each school</i>
	1.	Sekolah Rendah <i>Primary School</i>	10	RM1,000
	2.	Sekolah Menengah <i>Secondary school</i>	10	RM1,000
<b>PENGUMUMAN PEMENANG / <i>Winner announcement</i></b>	<p>Pengumuman dua puluh (20) Pemenang Peringkat 1 akan dimuatnaik di Laman Web BSN, laman sosial media BSN, platform DELIMa dan / atau di mana-mana platform yang dirasakan sesuai oleh BSN. Nama Kelab / Persatuan dan nama sekolah akan dipaparkan dalam pengumuman tersebut.</p> <p><i>Announcement of the twenty (20) Winners of Stage 1 will be published on BSN's Website, BSN's social media pages, DELIMa platform and / or any suitable platform as determined by BSN. Name of Club / Association and school name will be displayed in the announcement.</i></p>			

## 2.2 Peringkat 2 : Pelaksanaan Aktiviti Kelab / Persatuan di Peringkat Sekolah dan Pemilihan 3 Kelab / Persatuan terbaik keseluruhan dari Sekolah Rendah & Sekolah Menengah

*Stage 2: The execution of the Club / Association activity at the school level and the selection of top 3 of Club / Association from the primary and secondary schools*

<b>Tempoh Pelaksanaan</b> <i>Execution Period</i>	1 March 2025 – 30 November 2025 <i>1<sup>st</sup> March 2025 – 30<sup>th</sup> November 2025</i>
<b>Keterangan</b> <i>Details</i>	Peringkat 2 ini merupakan kesinambungan daripada Peringkat 1 melibatkan pelaksanaan aktiviti secara fizikal oleh dua puluh (20) Pemenang Peringkat 1. <i>This Stage 2 is a continuation from the Stage 1 involving the execution of the activities physically by the twenty (20) Winners of Stage 1.</i>



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

<p><b>Penilaian</b> <i>Evaluation</i></p>	<p>Dua puluh (20) Pemenang Peringkat 1 akan dinilai sekali lagi berdasarkan perkara berikut: <i>The twenty (20) Winners of Stage 1 will be evaluated one more time based on the following:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Laporan aktiviti beserta gambar <i>Activity report with photos</i></li> <li>b) Pelaksanaan aktiviti sepanjang tahun <i>The execution of the activities throughout the year</i></li> <li>c) Penyertaan murid dalam aktiviti dijalankan <i>The involvement of students in the activities</i></li> <li>d) Peningkatan simpanan dan pembukaan akaun murid di sekolah yang terlibat sebanyak 20% <i>The increasing of saving and account opening from students involved by 20%</i></li> </ol>												
<p><b>Cara Penilaian</b> <i>Evaluation Method</i></p>	<p>Juri akan menilai dua puluh (20) Pemenang Peringkat 1 mengikut kriteria yang dinyatakan di atas. Juri akan membuat lawatan secara rasmi di sekolah yang terlibat (sekiranya perlu). Tiga (3) Pemenang Peringkat 1 akan dipilih sebagai pemenang Peringkat 2 ("Pemenang Peringkat 2"). <i>The judges will evaluate the twenty (20) Winners of Stage 1 based on the criteria mentioned above. The judges will do site visit to the schools involved (if necessary). Three (3) Winners of Stage 1 will be selected as the winners of Stage 2 ("Winner of Stage 2").</i></p>												
<p><b>PEMENANG</b> <i>Winners</i></p>	<table border="1" data-bbox="581 1024 1422 1407"> <thead> <tr> <th data-bbox="581 1024 651 1192"><b>Bil No</b></th> <th data-bbox="651 1024 979 1192"><b>Category Category</b></th> <th data-bbox="979 1024 1133 1192"><b>Bilangan Sekolah No. of Schools</b></th> <th data-bbox="1133 1024 1422 1192"><b>Wang Ganjaran (RM) setiap sekolah Incentive Reward (RM) each school</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="581 1192 651 1297">1.</td> <td data-bbox="651 1192 979 1297">Sekolah Rendah <i>Primary School</i></td> <td data-bbox="979 1192 1133 1297">3</td> <td data-bbox="1133 1192 1422 1297">RM1,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="581 1297 651 1407">2.</td> <td data-bbox="651 1297 979 1407">Sekolah Menengah <i>Secondary school</i></td> <td data-bbox="979 1297 1133 1407">3</td> <td data-bbox="1133 1297 1422 1407">RM1,500</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="555 1444 1464 1650">Pemenang Peringkat 2 bersetuju bahawa BSN mempunyai hak untuk memilih Pemenang Peringkat 1 lain bagi menggantikan mana-mana Pemenang Peringkat 2 yang tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain sepanjang Tempoh Program. <i>The Winner of Stage 2 hereby agrees that BSN reserves the right to select any other Winner of Stage 1 to substitute any Winner of Stage 2 that is ineligible or disqualified for any other reason whatsoever throughout the Program Period.</i></p>	<b>Bil No</b>	<b>Category Category</b>	<b>Bilangan Sekolah No. of Schools</b>	<b>Wang Ganjaran (RM) setiap sekolah Incentive Reward (RM) each school</b>	1.	Sekolah Rendah <i>Primary School</i>	3	RM1,000	2.	Sekolah Menengah <i>Secondary school</i>	3	RM1,500
<b>Bil No</b>	<b>Category Category</b>	<b>Bilangan Sekolah No. of Schools</b>	<b>Wang Ganjaran (RM) setiap sekolah Incentive Reward (RM) each school</b>										
1.	Sekolah Rendah <i>Primary School</i>	3	RM1,000										
2.	Sekolah Menengah <i>Secondary school</i>	3	RM1,500										



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
*TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM*

**3. HADIAH / PRIZES**

3.1 Hadiah bagi Program ini adalah dalam bentuk wang tunai (“Hadiah”). Rumusan Hadiah bagi Pemenang Peringkat 1 dan Pemenang Peringkat 2 (secara kolektif dirujuk sebagai “Pemenang”) adalah seperti di bawah:

*The Prizes for this Program is in the form of and/or cash prize (“Prize”). The summary of the Prizes for the Winners of Stage 1 and the Winners of Stage 2 (collectively referred to as the “Winners”) is as follows:*

3.2 Semua keputusan yang dibuat oleh BSN berkenaan Program ini adalah muktamad terikat ke atas semua Peserta, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat-menyurat, rayuan dan / atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

*BSN’s decisions relating to the Program is final, binding on all Participants, conclusive and undisputable. No further correspondence, appeal and/or attempt to dispute the same will be entertained.*

Bil No	Sekolah School	Peringkat 1 Stage 1		Peringkat 2 Stage 2	
		Wang Ganjaran Insentif (RM) <i>Incentive Cash Reward</i>	Jumlah penerima (sekolah) <i>No. of Recipient (school)</i>	Wang Ganjaran Insentif (RM) <i>Incentive Cash Reward</i>	Jumlah penerima (sekolah) <i>No. of Recipient (school)</i>
1.	Sekolah Rendah <i>Primary School</i>	RM1,000	10	RM1,000	3
2.	Sekolah Menengah <i>Secondary School</i>	RM1,000	10	RM1,500	3
		<b>RM20,000</b>	<b>20</b>	<b>RM7,500</b>	<b>6</b>

- 3.3 Nama Pemenang akan diumumkan melalui platform DELIMa dan akan dipaparkan di Laman Web BSN atau melalui mana-mana kaedah komunikasi yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa.  
*The Winners' name will be announced on through DELIMa platform and will be published at BSN's Website or any other communication method determined by BSN from time to time.*
- 3.4 Kaedah penyerahan Hadiah bagi Program ini akan ditentukan oleh BSN mengikut budi bicaranya.  
*The Prize distribution method for this Program will be determined by BSN at its discretion.*
- 3.5 Sekiranya terdapat majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain yang dianjurkan BSN berkaitan dengannya, pihak BSN akan memaklumkan perkara tersebut kepada Pemenang melalui apa-apa kaedah yang difikirkan sesuai dan Pemenang hendaklah menghadiri majlis penyampaian Hadiah atau acara publisiti lain tersebut di mana sebarang kos sampingan termasuk tetapi tidak terhad kepada kos perjalanan adalah ditanggung oleh Pemenang. Penerimaan Hadiah oleh wakil Pemenang boleh dibenarkan atas budibicara BSN dan tertakluk kepada penyerahan dokumen sokongan yang ditetapkan oleh BSN.  
*In the event there is Prize giving ceremony or any other publicity event organized by BSN in respect thereto, BSN will inform the Winners on the same via any communication that BSN deems suitable and the Winners shall attend the said ceremony or event whereby all the incidental costs including but not limited to traveling cost shall be borne by the Winners. Acceptance of the Prize by the representative of the Winner(s) may be allowed at the discretion of BSN and subject to the submission of the supporting documents as required by BSN.*
- 3.6 Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah, sekiranya ada.  
*All Winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Program and the Terms and Conditions attached to the prizes, if any.*
- 3.7 BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis dan tanpa keperluan untuk memberikan sebab kepada Pemenang jika Hadiah tersebut tidak tersedia. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh dipindah milik atau ditukar dalam bentuk lain sama ada sebahagian atau sepenuhnya.  
*BSN reserves the right in its discretion to substitute the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice and without the requirement to provide its justification to the Winners if the awarded Prizes are unavailable. All Prizes are given on an "as is" basis and are non-transferable and non-exchangeable to any other form, in part or in full.*





**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

**4. HAK BANK / BANK'S RIGHT**

- 4.1 BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Program sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

*BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Program in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers, directly or indirectly, caused by the changes.*

- 4.2 BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan atau melanggar Terma dan Syarat. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkaitan dengan Program.

*BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Participants that is found or suspected of tampering with the Program or to be in violation of the Terms and Conditions. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Program.*

- 4.3 BSN juga berhak untuk menggunakan gambar / kandungan kertas cadangan yang dihantar oleh sekolah / murid bagi tujuan promosi atau perkara yang berkaitan.

*BSN reserves the right to use the photo / contents of proposal papers from the school / students for the promotional purposes or related matters.*

**5. LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY**

- 5.1 Peserta adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Program ini.

*Participants shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Program.*

- 5.2 Sebarang kos, fi dan / atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Program ini dan / atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta atau Pemenang.  
*Any cost, fee and / or expense expenses incurred or to be incurred to participate in this Program and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost of transportation, accommodation, meals, personal costs and/or any other expenses is the sole responsibility of the Participants or Winners.*

- 5.3 BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Program ini.  
*BSN is not responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Program.*
- 5.4 BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta atau Pemenang berhubung penyertaan Program ini .  
*BSN does not guarantee or promise any specific result to the Participants or Winners in relation to their participation in this Program*

**6. DATA PERIBADI / PERSONAL DATA**

- 6.1 Dengan menyertai Program ini, Peserta dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan / atau sekutu berkenaan dengannya dan / atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Program ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
- a) untuk tujuan Program ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau
  - b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
  - c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
  - d) untuk mengesahkan status akaun Peserta dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
  - e) apabila diminta secara bertulis oleh Peserta; atau
  - f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN  
TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

*By participating in this Program, the Participants hereby voluntarily gives express consent to BSN and / or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Program being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:*

- a) to use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Program in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's Website; or*
- b) to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- c) to comply with a Court order or direction; or*
- d) to verify the Participant's account status with any third party (if relevant); or*
- e) where the Participants request in writing; or to protect and defence BSN or BSN's asset.*

*In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.*

- 6.2 Peserta memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Peserta atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

*The Participants hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Participant's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.*

- 6.3 Peserta mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
- b) Meminta apa-apa pembedulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi; dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.

*Participants have the right at any time to:*

- a) Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) Raise any questions regarding the use of Personal data; by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.*



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

- 6.4 Peserta bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Program ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Program ini oleh Peserta yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Peserta.
- The Participants agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Program and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Participants' participation in this Program associated with such Personal Data by giving notice to the Participants.*

**7. TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS**

- 7.1 Dengan menyertai Program ini, Peserta dan sekolah yang berkenaan telah dianggap bersetuju:
- Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat Akaun Simpanan di bawah terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
  - Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
- By participating in this Program, the Participants and the respective school are deemed to have agreed:*
- To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of Savings Account and any other relevant terms and conditions that BSN may impose from time to time including any amendment thereto; and*
  - To access to BSN's Website on regular basis to ensure that the Participants are updated with any change or variation made to the T&Cs.*
- 7.2 Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Program ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan / atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
- All BSN's decisions relating to the Program is final, binding on all Participants, conclusive and undisputable. No further correspondence and / or appeal to dispute the same will be entertained.*
- 7.3 Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuiaan atau sebaliknya dan / atau Hadiah.
- In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties)*



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

*howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with and / or Prizes.*

- 7.4 BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Program ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Program ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan / atau epidemik, peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

*BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Participants and / or the Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Program or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Program due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*

- 7.5 Dengan menyertai Program, Peserta dan/atau Pemenang dengan ini memberi kebenaran kepada BSN hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Peserta untuk tujuan pengiklanan semasa dan akan datang, tujuan promosi dan pengumuman Pemenang, dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan / atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Peserta dan/atau Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

*By participating in this Program, the Participants and/or the Winners consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Participants for current and future advertising, promotional purposes and Winner announcement, in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Participants and / or the Winner(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised*

- 7.6 BSN berhak untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Program, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Program, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta dan / atau Pemenang. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang



**TERMA DAN SYARAT PROGRAM GANJARAN INSENTIF MODEL  
CELIK KEWANGAN BSN**  
**TERMS AND CONDITIONS BSN FINANCIAL LITERACY MODEL INCENTIVE  
REWARD PROGRAM**

liabiliti yang ditanggung oleh Peserta dan / atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

*BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part including but not limited to the Program Period, commencement and end date of the Program, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and / or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participants and / or the Winners. BSN will not be held responsible for or accept any liability incurred by the Participants and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes.*

- 7.7 Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Program ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Program yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

*In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Program which is not covered in these Terms and Conditions will be determined solely by BSN at its discretion.*

- 7.8 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

*These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*

Untuk maklumat lanjut berhubung Program ini, sila layari [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).

*For more information relating to this Program, please visit [www.bsn.com.my](http://www.bsn.com.my).*

**- TERMA DAN SYARAT TAMAT -**  
**- END OF TERMS AND CONDITIONS-**